



جَابِتْ مَفْتِي نَكْرِي قَمَحْ

TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SEPTEMBER 2026



HARI MALAYSIA : CINTAKAN NEGARA (WATAN)

11 SEPTEMBER 2026 | 29 RABIULAWAL 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا
هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.



Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ

Sempena sambutan Hari Malaysia, khutbah hari ini menarik perhatian sidang Jumaat untuk menghayati tajuk cinta kepada tanah air atau hubbul watan. Kita bersyukur kepada Allah ﷻ kerana pembentukan Malaysia berjalan secara aman dan harmoni. Marilah kita semua menghargai perjuangan dan sumbangan besar para pemimpin yang terdiri daripada para perjuang kemerdekaan, Raja-Raja Melayu, alim ulama dan pemimpin-pemimpin politik. Semoga Allah ﷻ mengurniakan ganjaran dan pahala yang besar atas usaha mereka sehingga hari ini kita semua dapat hidup atas muka bumi Malaysia ini dengan aman dan sejahtera.

Sesungguhnya mencintai tanah air adalah sebahagian daripada fitrah manusia dan perkara yang digalakkan dalam Islam. Ia dapat dihayati daripada doa Nabi Ibrahim ؑ dalam surah al-Baqarah ayat 126:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا ءَامِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الثَّمَرَاتِ

مَنْ ءَامَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

Yang bermaksud: “Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: “Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Makkah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka”.

Cinta tanah air bukan asabiyyah atau perkauman kerana Rasulullah ﷺ sendiri menzahirkan cinta kepada tanah tumpah darahnya sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ dalam hadis riwayat Imam Al-Tirmizi yang bermaksud:

“Alangkah baiknya dirimu wahai Makkah dan betapa cintanya diriku kepadamu, seandainya kaumku tidak mengeluarkanku darimu, nescaya aku tidak akan tinggal selain daripadamu.”

Oleh itu, marilah kita bersama-sama menanam dan menyuburkan dalam hati akan semangat cintakan tanah air yang bertuah ini.

Sidang Jumaat yang berbahagia

Cinta kepada tanah air adalah tanggungjawab semua warganegara khususnya dalam memastikan kesatuan dan perpaduan masyarakat. Sikap bertolak ansur, saling memahami, bantu membantu adalah rukun utama dalam membina keutuhan sesebuah negara. Jauhilah sikap mementingkan diri sendiri atau kumpulan dan kaum, fitnah memfitnah, menimbulkan



ketegangan kaum, melaga-lagakan perpaduan kaum dan lain-lain kerana ia boleh meruntuhkan sebuah negara.

Para pemimpin sama ada di kampung, pemimpin politik dan kerajaan atau organisasi hendaklah menjadi pemimpin yang mendokong perpaduan dan penyatuan, bukan tembok yang memisahkan rakyat, serta adil, jujur dan amanah.

Bekerjalah untuk kepentingan agama, bangsa dan negara melebihi daripada kepentingan diri sendiri. Inilah watak pemimpin yang mencintai rakyat dan tanah air. Rasulullah ﷺ memberi peringatan kepada pemimpin yang tidak adil dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari yang bermaksud,

“Sesungguhnya telah binasa kaum yang sebelum kamu, apabila orang yang mulia (yang ada kedudukan dan pangkat) mencuri maka mereka dibebaskan tetapi apabila orang yang lemah (yang tiada kedudukan dan pangkat) mencuri maka mereka dihukum pula.”

Para ulama dan pendakwah pula hendaklah menjadi penasihat yang baik kepada pemimpin dan rakyat. Yakin dan percaya nasihat yang baik berpandukan dakwah Rasulullah ﷺ akan membuka pintu hidayah. Mereka juga hendaklah meletakkan keutamaan cinta kepada agama dan tanah air melebihi daripada diri sendiri. Hayatilah kata-kata Imam al Ghazali,

“Rosaknya rakyat kerana rosaknya pemimpin, rosaknya pemimpin kerana rosaknya ulama apabila cinta kepada dunia menguasai mereka.”



Sidang jemaah yang dirahmati Allah ﷻ

Mimbar juga mengingatkan kepada kita semua sebagai rakyat agar menjadi warganegara yang baik kerana inilah bukti cinta kepada tanah air. Banyakkan beramal ibadat seperti solat, baca al-Quran, berzikir dan berdoa kerana hamba Allah ﷻ yang soleh akan mendapat rahmat dan redha Allah ﷻ yang sudah pasti memberi kebaikan kepada tanah air dan negara. Patuhilah peraturan yang ada selagimana tidak melibatkan perkara yang maksiat. Teruskan usaha menasihati pemimpin mengikut kemampuan masing-masing. Perbanyakkan doa semoga negara berada dalam aman dan stabil serta doakan kebaikan kepada para pemimpin sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ dalam hadis riwayat Imam Muslim,

Yang bermaksud: *“Sebaik-baik pemimpin kamu adalah mereka yang kamu cintai dan mereka menyintai kamu, mereka mendoakan kamu dan kamu mendoakan mereka.”*

Sidang Jumaat yang berbahagia

Kesimpulan daripada khutbah hari ini ialah,

1. Mencintai tanah air adalah sebahagian daripada fitrah manusia dan perkara yang digalakkan dalam Islam.
2. Menjaga perpaduan dan menjauhi perpecahan merupakan rukun utama dalam bernegara.



3. Para pemimpin hendaklah menjadi pemimpin yang adil, jujur dan amanah serta mendukung perpaduan dan penyatuan rakyat dan menjauhi perpecahan.

4. Rakyat yang mencintai tanah air hendaklah menjadi warganegara yang taat kepada perintah Allah ﷻ dan sentiasa mendoakan petunjuk Allah ﷻ kepada kepemimpinan negeri dan negara.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ ۖ بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ ﴿١٥﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ



الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.